

## **PERSATUAN JALUR SELATAN RADIO AMATUR JOHOR (JASRA)**

No. 57, Bangunan Ozzdong, Jalan Kuning Dua, Taman Pelangi,  
80400 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.  
Tel : +607-5562370 Fax : +607-556 2144 Email: [secretary@jasra.org.my](mailto:secretary@jasra.org.my)  
Website : [www.jasra.org.my](http://www.jasra.org.my)



3 Oktober 2019

Kepada  
Semua Rakan Radio Amatur

### **RAYUAN SUMBANGAN UNTUK REPEATER VHF GUNUNG LEDANG (9M4RLD)**

1. Adalah dimaklumkan bahawa repeater VHF 9M4RLD di Gunung Ledang yang menggunakan dua biji Radio *Handy Talkie* jenama **Kenwood TH-K20** telah mengalami kerosakan dan telah dibawa turun. Setelah diperiksa, dua buah *handy* yang digunakan sebagai **repeater** telah rosak, sebiji bermasalah di **transmit/receive** dan sebiji lagi bermasalah di **receive**. *Repeater* tersebut mengambil kuasa bateri *deep charge 12V* dan 3 biji *solar panel*. Lokasi pemasangannya di permatang, lebih kurang 1.5 km dari bangunan Telekom di Gunung Ledang yang terdedah kepada kelembapan yang tinggi, suhu yang terlalu sejuk dan panas disamping tiupan angin yang kuat.
2. Setelah membuat perbincangan dan mendengar pendapat, disyorkan radio tersebut perlu dibuat penggantian. Perkara ini dibawa kepada pengetahuan tuan/puan supaya **rayuan sumbangan dapat dilaksanakan** agar fasiliti *repeater* kegunaan bersama kita ini dapat kembali beroperasi dengan kadar segera. Kita berhasrat untuk membuat pembelian 2 buah Radio *Handy Talkie* jenama **Kenwood TH-K20A** dengan kos **RM 1,200.00**. Sekiranya ada lebihan yang mencukupi, pembelian bateri tambahan akan dibuat. Selain itu, penggantian *casing* atau kotak repeater juga sedang diusahakan dengan memohon sumbangan barang terpakai dari agensi kerajaan dan syarikat swasta.
3. Kepada rakan-rakan yang bermurah hati untuk menghulurkan sumbangan, silalah menyumbang ke akaun berikut:

No Akaun: **3987764411 (PUBLIC BANK)**

Maklumat Akaun : **PERSATUAN JALUR SELATAN RADIO AMATUR JOHOR**

4. Untuk maklumat, wang tabungan akaun JASRA yang sedia ada perlu di buat perbelanjaan yang berhemah kerana kekurangan dana, disamping kadar ahli yang membayar yuran tahunan agak rendah, selain itu komitmen membuat senggaraan repeater di lokasi lain, memperbaharui *Apperatus Assignment (AA)* repeater dan perbelanjaan lain yang berkaitan. Rayuan sumbangan ini terbuka kepada semua dan keikhlasan tuan/puan menyumbang untuk komuniti sangat dihormati dan disanjung tinggi. Terima kasih.



**SAPUAN BIN SAMON (9W2FRP)**  
Setiausaha (HP: 0182926383)  
bp Presiden JASRA

Salinan kepada:  
Semua AJK / Biro / Perhubungan Daerah

## **GAMBAR REPEATER 9M4RLD GUNUNG LEDANG DAN RADIO**

